

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO]**

**TARIKH : 16 OKTOBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIE ANAK MONGIN [ PUNCAK BORNEO ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sama ada terdapat syarikat-syarikat minyak sawit Malaysia yang terbabit dalam pembakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia. Jika ada, apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Libaran bertarikh 29 Oktober 2019 yang juga menyentuh mengenai isu yang sama termasuk usaha Kerajaan dalam menangani masalah jerebu bersama Indonesia.

Tuan Yang Dipertua,

Antara faktor yang menyebabkan kebakaran hutan di Indonesia adalah musim kemarau yang berpanjangan, kejadian El Nino dan iklim semulajadi yang lebih panas. Dalam hal ini, tiada bukti yang menunjukkan semua kawasan panas ini berada di kawasan perladangan kelapa sawit. Dilaporkan bahawa beberapa kebakaran di Indonesia dimulakan oleh pekebun kecil dan ia merebak ke sekitar kawasan perladangan kelapa sawit milik syarikat-syarikat perladangan Malaysia kerana cuaca panas dan pergerakan angin.

## **SOALAN NO : 11**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat-syarikat perladangan sawit Malaysia yang didakwa terbabit dalam pembakaran hutan tersebut adalah antara syarikat perladangan sawit yang telah mengamalkan amalan penanaman lestari yang menepati standard pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), pensijilan Minyak Sawit Mampan Indonesia (ISPO) dan pensijilan *Roundtable Sustainable Palm Oil* (RSPO) atau gabungan sistem pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Jika terbukti syarikat-syarikat perladangan tersebut terlibat dalam pembakaran hutan, mereka juga boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang dan peraturan tempatan.

Jika ianya belaku di negara kita, tindakan boleh diambil di bawah 60 peraturan dan undang-undang termasuk Akta Pengambilan Tanah 1960, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Kualiti 1974, Akta Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan 1977, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan lain-lain. Selain itu, terdapat 25 kategori pelesenan di seluruh rantaian bekalan industri sawit bagi memastikan penggiat industri memenuhi keperluan ketat seperti yang ditetapkan di bawah peraturan MPOB.

Dalam usaha untuk menangani masalah ini, Malaysia yang sedang mempengerusikan Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan Indonesia telah memberikan komitmen untuk memastikan pengeluaran minyak sawit dan produk-produk berasaskan sawit dilaksanakan secara mampan melalui amalan penanaman lestari yang menepati standard pensijilan MSPO dan ISPO termasuk menghalang pembakaran secara terbuka.

Usaha berterusan ini juga akan diperhalusi dalam *Palm Oil Supply and Demand Outlook Conference* (POSDOC) yang dianjurkan oleh CPOPC pada 22 Oktober 2019 di Bandar Baru Bangi. Persidangan yang akan dihadiri oleh penggiat industri sawit dari Malaysia dan Indonesia akan membincangkan tiga aspek utama berkaitan industri sawit iaitu pengeluaran, permintaan pasaran dan unjuran harga termasuk isu alam sekitar yang merentasi sempadan.

Sekian, terima kasih.